



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**

**ABDULLAH**

**PRESIDEN ANGKASA**

**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**

**ORGANIZATION (ACO)**

**PENGASAS YAYASAN INFAQ ANGKASA**

**MAJLIS SUMBANGAN YAYASAN INFAQ**

**ANGKASA 2023**

**24 OKTOBER 2023M / 9 RABIULAKHIR**

**1445H (SELASA)**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Mgdani

[SALUTASI DISEDIAKAN PROTOKOL]

1. Alhamdulilah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan

limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di **Majlis Sumbangan Yayasan Infaq ANGKASA 2023** pada pagi yang berbahagia ini.

2. Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Infaq ANGKASA atas

kesudian menjemput saya menyempurnakan majlis perasmian pada hari yang berbahagia ini.

3. Saya difahamkan majlis ini hasil garapan kerjasama Yayasan Infaq ANGKASA dengan JPAN Wilayah Persekutuan dan mendapat sokongan

padu pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Usahasama sebegini wajar dicontohi dan dijadikan acara berkala pada masa akan datang dalam menyemarakkan orang ramai melakukan kebajikan melalui amalan berinfaq dan berwakaf.

4. Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada semua tetamu

jemputan dan wakil-wakil Majlis Agama Islam Negeri, agensi dan koperasi yang sudi hadir memeriahkan majlis bermakna ini. Tanpa kehadiran anda tiadalah seri majlis yang dilaksanakan oleh Yayasan Infaq ANGKASA pada hari ini.

5. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan

penghargaan dan terima kasih kepada lebih 7.04 juta anggota dan lebih 15,000 koperasi seluruh Malaysia atas kepercayaan kepada ANGKASA selama ini sehingga tertubuhnya Yayasan Infaq ANGKASA.

6. ANGKASA selaku pengasas kepada Yayasan ini terus komited dan menyokong segala keperluan dari sudut pentadbiran sumber manusia

dan dana kewangan demi memastikan yayasan ini mencapai hasrat ANGKASA sebagai ‘One-Stop Centre’ bagi urusan Corporate Social Responsibility(CSR) ANGKASA.

7. Sejak 2010, sebagai bukti keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat, ANGKASA mewakafkan 1.5 juta setahun bagi memberi

sokongan dana kewangan yang mapan bagi menggerakkan aktiviti penyaluran sumbangan dana seluruh negara disamping sokongan penyumbang dari pelbagai kategori mencecah 1.5 juta setiap tahun. Melalui dana terkumpul 3 juta setahun dan terkumpul mencecah anggaran **24,174, 702.63 juta** hingga kini, saya selaku pengasas yayasan ini menaruh harapan yang tinggi

terhadap pengurusan Yayasan Infaq ANGKASA dalam menyemarakkan pelbagai aktiviti yang bermanfaat di seluruh Malaysia mahupun luar negara.

8. ANGKASA amat yakin yayasan ini mampu menyinar dengan gemilang dengan perancangan yang berhemat

dari barisan Lembaga Pemegang Amanah yang amanah, kompeten, berkredibiliti dan berpengalaman luas dalam bidang wakaf, kewangan islam dan perundangan Islam.

## **YB Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian**

9. Penganjuran majlis ini merupakan suatu inisiatif pihak Yayasan Infaq ANGKASA dalam

menyantuni pihak benefisiari dan menghargai pihak penyumbang dari seluruh negeri yang turut mengambil bahagian menginfaqkan sebahagian rezeki mereka melalui entiti koperasi mahupun agensi bagi disalurkan

kepada pihak-pihak tertentu melalui platform Yayasan Infaq ANGKASA.

10. Saya difahamkan pada majlis ini, sumbangan dibuat kepada dua (2) buah koperasi kariah masjid, empat (4) kepada wakil agensi dan badan berwajib dan lima (5) kepada wakil individu dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM305,283.00.

11. Jazakallah, budi baik kalian hanya Allah mampu membalaNya. Terima kasih di atas kepercayaan para penyumbang dalam memastikan sumbangan anda diuruskan dengan amanah oleh yayasan ini. Semoga sumbangan yang disalurkan dapat memberi impak yang maksimum dan seimbang terhadap rohani, jasmani,

emosi dan intelek serta sosial pihak benefisiari.

## **YB Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian**

12. Saya mengambil kesempatan ini menyeru agar tanpa mengira agama dan bangsa membudayakan amalan

kebijakan ini dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan hadis dari Adi bin Hatim RA, katanya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Jagalah diri kalian dari api neraka walaupun hanya bersedekah dengan sepotong kurma”-Hadis Riwayat Al-Bukhari

13. Sesungguhnya amalan berinfaq dan berwakaf ini tidak akan sesekali mengurangkan harta seseorang, malah ianya mengkayakan hati, membersihkan harta, memanjangkan usia dan dapat melancarkan urusan dan rezeki seseorang dengan izinNya.

14. Akhir kata, tahniah kepada pengurusan Yayasan Infaq ANGKASA yang menjadi tulang belakang dalam menjayakan majlis yang amat bermakna ini. Saya mendoakan agar majlis ini dapat mengeratkan tali siratulrahim dan ukhwah sesama kita sebagai satu keluarga besar gerakan koperasi di Malaysia.

# **YB Datuk,Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Dengan Lafaz  
**BISMILLAHIROHMANIRAHIM** saya  
dengan rendah hati merasmikan  
**MAJLIS SUMBANGAN YAYASAN INFAQ**  
**ANGKASA 2023**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.  
Disediakan Oleh,  
Shuhaida Salleh  
Pengurus Yayasan Infaq ANGKASA

Disemak Oleh,  
En. Mohd Safian Abdul Rahman

Pengurus Besar Yayasan Infaq  
ANGKASA

Tarikh kemaskini: 19 Oktober 2023